nex.us
The Next of Us

# nexnews

## APPRECIATION HOUR – A MESSAGE FROM THE CEO








On behalf of the Nex.Us management, I would like to extend our appreciation to the team who've made continuous efforts to make our office space ready.

During a difficult time when we're all faced with continuous challenges to re-adjust to our new environment and space due to the COVID-19, we owe a profound debt of gratitude to our Facility Management staff. These individuals have braved themselves to come into work to ensure that our office refurbishments and renovations are on-going and on track to get it all prepared for our return. FM Team, your diligence, self-motivation as well as dedication is really admirable; the amount of effort that you put into the work are recognized. So let us all extend our utmost gratitude to these staff for their commitment in carrying out their duties!

To all our Nex.Us staff, your sacrifices during this period is invaluable. As most of us continue to remain at home, be it to carry out the day-to-day business tasks, as well as faithfully following the protocols set by the government, your patience and cooperation are equally appreciated as the same as this is crucial to the containment of COVID-19.

The spread of this virus is forcing all of us to change our ways, and we know it's a big adjustment. But the management has your back, and together we will get through this. During this time, lets continue to focus on things that matter, our health and our safety. May we all model our own behavior on all our front liners' selflessness and sacrifice as we help each other through this.

Best Regards,
**Hajah Nor Azura Haji Mohd Tahir**

# nexnews

## UTUSAN PENGHARGAAN – DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bagi mewakili pihak pengurusan Nex.Us, saya sukacita ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang telah bertungkus lumus bekerja agar pejabat kita sedia untuk digunakan dengan lebih selesa.

Dalam masa kita menghadapi waktu-waktu yang sukar ini dengan cabaran-cabaran bagi menangani wabak COVID-19, perlu juga diketahui bahawa pegawai dan kakitangan Pengurusan Fasiliti (FM) telah memberanikan diri mereka untuk datang ke tempat kerja bagi memastikan agar kerja-kerja pengubahsuaian pejabat kita berjalan dengan lancar dan teratur agar semuanya siap sekembali kita ke pejabat kelak. Kepada kumpulan FM, ketekunan, motivasi serta dedikasi biskita adalah sangat mengkagumkan; usaha yang telah biskita hulurkan sangat kami hargai. Oleh itu marilah kita sama-sama mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka di atas komitmen yang telah ditunjukkan dalam menjalankan tugas mereka.

Kepada semua warga Nex.Us, pengorbanan biskita pada waktu ini adalah tidak ternilai. Memandangkan sebahagian besar daripada kita terus bekerja dari rumah, sama ada untuk melaksanakan tugas-tugas pejabat seharian mahupun yang mentaati protokol-protokol dan garis pandu oleh kerajaan, kesabaran dan kerjasama biskita juga kami hargai yang mana ianya sangat penting dalam membendung COVID-19.

Penularan wabak ini telah memaksa kita semua mengubah corak hidup kita masing-masing dan kami tahu ianya adalah perubahan yang besar. Walau bagaimanapun pihak pengurusan sentiasa bersama biskita dan bersama-sama kita akan melaluinya nanti. Pada masa ini, marilah kita teruskan fokus pada perkara yang lebih penting iaitu kesihatan kita dan keselamatan kita. Semoga kita semua dapat memodalkan tingkah laku kita terhadap pengorbanan para barisan depan (frontliners) dengan cara kita saling bantu membantu satu sama lain.

Dengan Hormat,
**Hajah Nor Azura Haji Mohd Tahir**





